


Jilid III
Bil. 59



Hari Selasa
20hb Disember, 1977

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

Harga: \$1.50

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- .. Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- .. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- .. Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- .. Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- .. Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bahru).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- .. Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- .. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- .. Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADIL BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- .. Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).
- .. Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN. K.M.N.
(Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N.,
(Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
P.P.T. (Kemaman).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- .. DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- .. TUAN ABDULLAH MAJID. K.M.N. (Raub).
- .. PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- .. PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- .. TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- .. TUAN AJAD BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).

- Yang Berhormat TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

- Yang Berhormat DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).

- Yang Berhormat TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.,
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K. A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu
Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 20hb Disember, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

USUL-USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (1) Dewan ini akan terus menimbang Usul Takziah di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad): Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (1), Dewan ini akan terus menimbang Usul Takziah di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

**MERAKAMKAN UCAPAN TAKZIAH DI
ATAS BERPULANGNYA KE
RAHMATULLAH TAN SRI DATUK HAJI
NIK AHMED KAMIL, YANG
DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

2.33 ptg.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Yang Berhormat Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil bin Haji Nik Mahmood, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, pada 20hb Disember, 1977 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Kullu nafsın zaikatul maut — setiap yang bernyawa akan merasa mati. Inilah hakikat yang wajib difahami oleh setiap kita. Kita sebagai mahluk TUHAN tidak akan terlepas daripada menghadapi kematian, samada dengan cepat atau lambat di atas sebab-sebab yang bermacam-macam rupa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, lebih kurang jam 4.30 petang semalam saya dan beberapa rakan yang lain berada di bilik Allahyarham, bersama-sama dengannya menikmati minuman teh dalam keadaan riang dan gembira. Setelah berbincang beberapa ketika, saya telah masuk balik ke Dewan ini sementara Allahyarham meneruskan tugasnya bagi mempengerusikan Dewan yang mulia ini. Sejurus kemudiannya, apabila Allahyarham diserang oleh penyakitnya saya dan rakan-rakan yang lain juga berada di biliknya, memberikan bantuan sekadar yang boleh dan terdaya bagi meringankan sakit yang dihadapinya. Sehingga ke saat-saat yang akhir itu Allahyarham telah menunjukkan ketabahan dan kesabaran yang amat cemerlang dan sentiasa mengingati Tuhan Azza wajalla.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, sesungguhnya kita telah kehilangan seorang negarawan yang kaya dengan pengetahuan dan pengalaman. Tidak ada perkataan yang dapat saya lafazkan bagi melahirkan kesedihan dan dukacita kita yang amat sangat terhadap kehilangan seorang tokoh dan pejuang kemerdekaan tanah air kita.

Sebagai seorang pemimpin yang bijak dan terkemuka Allahyarham telah menunjukkan contoh tauladan yang amat cemerlang serta berkhidmat dengan penuh kejujuran dan kecakapan dalam berbagai bidang — politik, ekonomi dan kebajikan. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, Allahyarham merupakan seorang sahabat karib saya dan rakan seperjuangan. Seorang yang mempunyai budi pekerti yang amat baik yang sentiasa disanjung tinggi oleh rakyat dan negara khidmat dan jasanya disepanjang hayatnya kepada bangsa dan negara terlalu banyak untuk disebutkan satu persatunya. Sebagai seorang pejuang kemerdekaan tanah air Allahyarham telah mewakili Raja-raja di dalam rombongan menuntut kemerdekaan negara.

Allahyarham mula berkhidmat dengan Kerajaan sejak awal tahun tiga puluhan. Dalam tahun 1934 Allahyarham telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan berkhidmat hingga tahun 1941. Kemudian menjadi Timbalan Menteri Besar Kelantan dari tahun 1938 hingga 1948, sebelum dilantik menjadi Menteri Besar.

Dalam tahun 1953 Allahyarham telah dilantik menjadi Ahli Majlis Undangan Persekutuan Tanah Melayu. Selama lebih kurang tiga tahun Allahyarham telah menyumbangkan banyak tenaga dan fikiran khususnya mengenai hal ehwal tanah dan galian, Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Pada ketika rakyat sedang giat berjuang memperolehi kemerdekaan tanah air, Allahyarham telah dilantik menjadi Pesuruhjaya Malaya ke Australia berkhidmat dari bulan November, 1956 hingga bulan Jun, 1957.

Allahyarham merupakan Pesuruhjaya Tinggi negara yang pertama ke United Kingdom dari 31hb Ogos, 1957 hinggalah bulan Februari, 1958. Allahyarham telah juga berkhidmat sebagai Duta Besar negara ke Amerika Syarikat dan Wakil Tetap negara di Bangsa-bangsa Bersatu dari bulan Februari, 1959 hingga Mac, 1962.

Pada tahun 1964 Allahyarham telah dipilih sebagai Wakil Rakyat bagi kawasan Kota Bharu Hilir. Khidmatnya kepada rakyat dan negara telah dilanjutkan apabila Allahyarham berjaya dalam Pilihanraya Umum 1969, bagi kawasan Ulu Kelantan.

Allahyarham telah dipilih oleh Dewan yang mulia ini pada 4hb November, 1974 sebagai Yang di-Pertuanya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, di sepanjang hayatnya, Allahyarham memang telah banyak membuat bakti kepada bangsa dan negara. Allahyarham memegang beberapa jawatan penting dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela dan kebajikan. Di antaranya ialah Pro-Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia; President Malaysian Branch Royal Asiatic Society; Vice-President Malaysian Zoological Society; Vice-President Royal Commonwealth Society; Timbalan Pengerusi, Lembaga Pengurus Hospital Lady Templer; Ahli Lembaga Pengarah Hospital Assunta dan badan-badan terkemuka yang lain.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, dalam bidang perdagangan dan perindustrian, khidmat Allahyarham amatlah berkesan dalam meningkatkan kegiatan ekonomi negara serta memperluaskan dagangan negara di kalangan pasaran antarabangsa.

Sesungguhnya banyak lagi perkataan manis dan kata-kata hormat yang boleh dilafazkan bagi mengenangkan jasa dan khidmat bakti Allahyarham itu. Marilah kita mengingati dan menjunjung tinggi segala yang telah dilaku dan dicurahkan oleh Allahyarham itu kepada negara dan bangsa khususnya di dalam Dewan yang mulia ini.

Allahyarham telah memberikan khidmat cemerlangnya sehingga ke akhir hayatnya, menjalankan tugasnya di atas kerusi yang mulia itu sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Setiap kita tidak akan melupakan jasa Allahyarham itu. Kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala semoga Tuhan menerima segala amalannya sebagai amalan-amalan saleh, semoga Tuhan cucuri rahmat ke atas ruhnyanya serta diampuni segala dosanya. Amin, Ya Rabbul alamin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, demikianlah saya mencadangkan usul ini.

2.45 ptg.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato Michael Chen Wing Sum):

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, saya menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Saya juga turut berasa sedih dan terharu di atas kembalinya ke Rahmatullah Yang Berhormat Tan Sri Nik Ahmed Kamil sebagaimana yang dilahirkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Perasaan sedih dan terharu ini saya yakin adalah sama-sama dirasakan oleh kita semua, terutama sekali Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir di Dewan di semasa Allahyarham jatuh dalam biliknya petang kelmarin. Di antara jasa-jasa Allahyarham sebagai seorang pengkhidmat awam, diplomat, ahli politik dan peniaga, Allahyarham juga adalah seorang Speaker yang terkemuka yakni seorang Speaker yang adil dan berdedikasi, lebih-lebih lagi Allahyarham adalah sahabat karib kepada kita semua.

Pemergian Allahyarham adalah satu kehilangan yang amat besar kepada negara dan kepada kita semua. Khidmat dan bantuan yang diberikan oleh Allahyarham kepada negara dan Dewan ini akan sentiasa kita semua ingati. Semoga Allah mencucurkan rahmat ke atas ruh Allahyarham.

2.48 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga): Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, saya juga berdiri di sini untuk menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bagi pihak Parti SNAP saya mohon melahirkan perasaan sedih yang tidak terhingga atas kematian Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada jam 1.30 pagi ini. Dengan pemergian beliau negara telah kehilangan seorang ahli negarawan. Seperti yang kita sedia maklum Allahyarham semasa hayatnya sebelum menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat, beliau pernah menjadi Wakil Rakyat bagi kawasan Kota Bharu Hilir dan Ulu Kelantan.

Allahyarham juga telah menunjukkan kecakapan dalam bidang pentadbiran semasa memegang jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam tahun tiga puluhan dan kemudiannya dilantik menjadi Menteri Besar negeri tersebut. Allahyarham juga terkenal dalam dunia antarabangsa. Beliau pernah menjadi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia dan Britain sebelum berlepas ke Amerika Syarikat dalam tahun 1959, ditauliahkan sebagai Duta Wakil Tetap ke Bangsa-bangsa Bersatu. Allahyarham memangnya aktif dalam segala lapangan. Beliau memegang jawatan dalam beberapa pertubuhan amal serta perbadanan awam dan perindustrian. Beliau juga boleh disifatkan sebagai seorang yang terkemuka dalam lapangan perindustrian dan perdagangan. Tetapi bagi diri saya, saya boleh mengenali Allahyarham dalam Dewan yang mulia ini sebagai Yang di-Pertua. Kita telah dapat menyaksikan sendiri betapa cekap dan tegas Allahyarham mengendalikan mesyuarat dan urusan-urusan Dewan Rakyat. Cara Allahyarham menjalankan peranan dan bimbingan dalam Dewan Rakyat ini adalah menjadi satu tauladan yang baik. Saya percaya semua kontribusi yang diberi oleh Allahyarham di dalam Dewan ini atau di luar Dewan akan dihargai oleh negara kita.

Bagi pihak pasti SNAP saya melafazkan ucapan takziah kepada keluarganya. Saya berharap mereka semua akan berbilang sabar dalam menghadapi keadaan yang sangat menyedihkan ini. Saya juga berdoa kepada Tuhan agar dicucuri rahmat ke atas ruh Allahyarham. Dari Tuhan kita datang, kepada Tuhan kita pergi. Semua makhluk yang hidup akan mati juga, akhirnya cuma Allahyarham mendahului kita.

2.52 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, dengan perasaan yang amat sedih saya berdiri di sini bagi pihak Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang kini berada di luar negeri dan juga bagi pihak Ahli-ahli Parlimen dari DAP melahirkan ucapan takziah dan simpati kita atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil telah berkhidmat hampir seluruh hidupnya untuk negara, untuk masyarakat dan untuk rakyat dan khususnya telah memberi perkhidmatan yang dedikasi kepada Dewan ini. Sebagai Speaker Dewan Rakyat, Allahyarham telah cuba sedaya-upayanya yang boleh untuk menjalankan perjalanan Dewan ini seberapa adil. Menerusi sumbangannya sebagai Speaker Dewan Rakyat ini Allahyarham telah membuat perbincangan-perbincangan di Dewan ini lebih bermakna kepada rakyat semua. Sebagai Ahli Dewan Rakyat kita rasa amat sedih atas kehilangan Allahyarham dan saya pasti perasaan ini juga dirasai oleh semua Ahli-ahli Dewan ini.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil.

2.55 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, saya bangun un-

tuk menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyatakan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 20.12.1977 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, saya bagi pihak diri saya dan bagi pihak Yang di-Pertua Agung PAS dan bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat daripada PAS dan seluruh ahli-ahli PAS di Malaysia ini menyampaikan ucapan takziah kami kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil yang telah meninggal dunia pada pagi tadi dan dengan ini bagi saya, saya rasa amatlah terkejut sekali oleh kerana pertalian saya dengan Allahyarham bolehlah dikatakan amat rapat dan saya sendiri pernah mendapat bimbingan daripada beliau sebagai Timbalan Speaker Dewan Rakyat dan sebagai Speaker Dewan Rakyat di dalam Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, sebelum saya kenal Yang Berhormat Allahyarham ini sebagai Timbalan Speaker dan Speaker, beliau adalah salah seorang yang telah berjaya di dalam menghadapi kehidupannya. Beliau pernah menjadi Menteri Besar dan beliau pernah menjadi Duta negara dan beliau pernah menjadi Ahli Parlimen dan beliau pernah menjadi wakil bagi pihak Raja-raja untuk mencapai kemerdekaan bagi negara kita ini. Sudah tentu, Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, kehilangan Allahyarham ini ialah satu kerugian yang besar bagi kita dan bagi negara khususnya bagi Ahli-ahli Dewan Rakyat yang ada pada masa ini yang pernah mendapat bimbingan dan yang pernah mendapat keadilan sebagai Speaker terhadap ahli-ahli sekaliannya. Saya berasa amatlah perlu bagi kita dan wajib kita memberikan doa sebanyak-banyaknya memohon kepada Tuhan memberi rahmat dan nikmatnya kepada beliau di dalam dunia yang telah beliau sampai yang kita, Insya Allah, akan sampai tidak berapa

lama lagi dan di atas itu saya inginlah memberi potongan doa kepada Allahyarham bagi pihak diri saya dan bagi pihak parti saya dan bagi pihak ahli-ahli parti saya yang berbunyi:

“Allah hummagh-fir-lahu war-hamhu wa’afih wa’ fu’anhu wa-akrim nuzulahu, wa-wassi’ madkhalahu, wa-adkhillu-jannata wa-a-’izzu min-’azabil-qabri wa-fitnati wa-min ‘azabinnar.”

Itulah sejelas-jelasnya dan apa yang saya berharap moga-moga Tuhan memberkati doa yang saya bacakan untuk ruh Allahyarham bersemadi di dalam perkuburannya.

3.00 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, petang semalam Tuan Speaker telah jatuh sakit di Parlimen dan telah dimasukkan ke hospital. Awal-awal pagi ini dengan perasaan yang amat sedih kita difahamkan bahawa Tuan Speaker telah meninggal dunia.

Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil adalah seorang Speaker yang adil dan saksama yang akan dikenang atas dedikasinya terhadap tugas dan perkhidmatannya kepada Parlimen. Perhubungan saya dengan Allahyarham hanya dalam beberapa tahun belakangan sahaja. Dan dalam tempoh tersebut Allahyarham adalah seorang yang telah memberi banyak panduan dan inspirasi dan sebagai seorang kawan kepada saya dan juga kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain. Pemergian Allahyarham sesungguhnya adalah satu kehilangan yang besar kepada sesiapa juga yang mempunyai perhubungan dengannya dan juga kepada Parlimen.

Sebagai tanda penghormatan kepada Allahyarham adalah wajar bagi kita semua memberi tumpuan dan perhatian yang lebih dalam usaha meninggikan taraf hidup rakyat menerusi Parlimen.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, izinkan saya bagi pihak Parti Gerakan Rakyat Malay-

sia menyampaikan ucapan setinggi-tinggi takziah dan sedih yang amat sangat kepada seluruh keluarga Allahyarham dalam saat-saat berdukacita ini.

3.03 ptg.

Dr. Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap sepatah dua di atas Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, dengan perasaan yang amat sedih saya bagi pihak parti saya iaitu PEKEMAS dan saya sendiri hendak menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, saya tiada hadir di Dewan kelmarin dan pagi ini saya baca suratkhbar *The New Straits Times* saya terkejut apabila saya baca berita kehilangan Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil

Kehilangan itu, Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, amat sedih dan merupakan satu trajidi kepada negara kita. Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil adalah seorang yang banyak mengambil bahagian di dalam beberapa lapangan di dalam masyarakat kita. Seperti disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat sebentar tadi beliau telah menjadi Menteri Besar, Civil Servant yang terkenal di Kelantan, telah menjadi seorang diplomat dan beliau ialah seorang Ahli Federal Legislative Council pada masa dahulu dan pada tahun 1964 beliau telah dipilih sebagai Wakil Rakyat di dalam Dewan ini, yang kemudiannya beliau dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, saya tidak ingin mengulangi apa yang disebutkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Saya cuma hendak nyatakan perhubungan saya sendiri dengan Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil, apabila saya uzur tahun lalu, saya masih ingat beliau telah melawat saya di Hospital Universiti, dan saya rasa bangga

walaupun beliau seorang yang terlalu sibuk tetapi beliau ingat kepada seorang yang ada di Hospital Universiti.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, di dalam Dewan ini juga mulai daripada tahun 1964 saya sudah kenal kepada Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil dan saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih atas pertolongan yang telah diberi kepada saya sendiri oleh Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, akhirnya sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil.

3.06 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, bagi pihak yang di-Pertua Parti MIC dan Ahli-ahli Dewan Rakyat dari MIC saya menyampaikan perasaan sedih atas kepulungan ke Rahmatullah Allahyarham Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil.

Allahyarham telah memberi perkhidmatan cemerlang kepada negara, bangsa dan ugama. Kami berdoa kepada yang maha berkuasa agar ruh beliau dicucuri rahmat dan kesabaran kepada sanak-saudaranya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas yang akhir.

3.07 ptg.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, saya minta izin menyampaikan perasaan sedih berapa ratus, mungkin beribu-ribu mereka yang telah bernasib baik dapat bekerja di bawah pimpinan Allahyarham, yang telah dapat pengajaran, pimpinan dan petunjuk di beberapa lapangan.

Saya sendiri telah dapat belajar dan pimpinan serta tauladan yang sedikit-sebanyak membolehkan kami berkhidmat

kepada bangsa, negara dan ugama sebagaimana juga beliau telah menunjukkan kepada kami.

Kehilangan ini adalah satu kerugian yang amat besar, tetapi bagi kami yang telah bernasib baik menjadi anak buah kepada Allahyarham, kami cuma dapat pada hari ini sambil berdoa dan juga membuat ketetapan supaya menurut jejak langkah Allahyarham supaya dapat kami juga berkhidmat kepada bangsa, ugama dan tanah air sebagaimana beliau telah dapat menjalankan tugasnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya kemukakan Usul ini bagi diputuskan, saya suka juga mengambil kesempatan ini menzahirkan perasaan amat dukacita saya di atas berpulangannya ke Rahmatullah Allahyarham Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentu masih ingat bahawa Allahyarham berada bersama-sama kita dan duduk di kerusi ini pada petang semalam dan itulah tugas Allahyarham yang terakhir dapat dilakukannya sebagai Speaker Dewan Rakyat.

Kepada saya kehilangan Allahyarham adalah seperti kehilangan abang kandung saya yang telah memberi banyak bimbingan dan tunjuk ajar untuk melengkapkan lagi pengetahuan saya sebagai Timbalan Speaker Dewan Rakyat ini dan menjalankan tugas-tugas saya dengan lebih sempurna.

Allahyarham boleh dikatakan seorang yang telah berkecimpung dalam semua bidang sebagaimana yang disebutkan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi dan menunjukkan kecekapan di dalam bidang-bidang itu dengan menjawat beberapa jawatan daripada menjadi seorang Magistrate, Setiausaha Kerajaan Negeri, Menteri Besar, seorang Diplomat, ahli perniagaan dan industrialist, seorang Ahli Parlimen dan sebagai Speaker Dewan Rakyat. Pengalaman yang begitu luas amat berguna dan banyak

menyumbang dalam membuat Allahyarham itu seorang yang cukup mahir dalam bidang-bidang yang Allahyarham masukki.

Pengalaman sebagai seorang Magistrate menjadikan Allahyarham seorang yang adil dan ini dapat kita semua saksikan semasa Allahyarham menjalankan tugas-tugasnya sebagai Yang di-Pertua Dewan ini, begitu juga pengalamannya sebagai seorang Ahli Diplomat serta juga Menteri Besar menjadikan Allahyarham seorang yang lemah-lembut dan berbudi pekerti yang tinggi dalam perhubungannya dengan orang ramai tidak kira apa lapisan masyarakat pun.

Sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada akhir tahun 1974, Allahyarham telah membuktikan kecekapannya dalam urusan Parlimen dan urusan perjalanan mesyuarat Dewan ini dan banyak telah menunjuk ajar dan memberi panduan kepada saya bagi mengendalikan dan mempengerusikan Dewan Rakyat ini.

Bagi pihak diri saya sendiri berasa terhutang budi kepada Allahyarham dengan tunjuk ajar dan bimbingan serta nasihatnya kepada saya, yang saya rasa sangat berharga kepada saya dalam menjalankan tugas ini. Pesannya yang akhir pada petang semalam iaitu kira-kira pukul 4.30 petang, pesannya kepada Datuk Setiausaha Dewan Rakyat iaitu di dalam perhubungan Pertubuhan Antara Parlimen ASEAN (ASEAN Inter-Parliamentary Organisation), Allahyarham telah menekankan keyakinannya bahawa banyak masaalah-masaalah ASEAN telah timbul di Negara-negara ASEAN ini boleh dan dapat diselesaikan melalui pertubuhan ini, kerana Allahyarham berpendapat Ahli-ahli Parlimen adalah menjadi Wakil-wakil Rakyat di dalam negara-negara tersebut dan pada hemat Allahyarham itu Badan ini sangat berguna dan dapat memberikan sumbangan di atas perpaduan ASEAN.

Sebelum itu Allahyarham juga aktif di dalam IPU (Inter-Parliamentary Union) dan

CPA (Commonwealth Parliamentary Association) sebagai Presiden Bersama, dan sebelum itu juga telah menjadi Bendahari kepada kedua-dua Pertubuhan ini dan dalam masa itu Allahyarham telah mewakili Malaysia pada beberapa persidangan di luar negeri.

Saya mengambil kesempatan ini bersama-sama mendoakan kepada Allah Subhanahu-wataala mudah-mudahan Allah cucuri ber-banyak-banyak rahmat ke atas ruh Allahyarham itu dan diletakkannya bersama-sama syuhadah dan salihin. Dan juga menyampaikan takziah kepada keluarganya, mudah-mudahan dikurniakan Allah ber-banyak-banyak sabar menghadapi keadaan ini dan sekarang saya kemukakan Usul ini bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 20.12.1977 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan ikhlasnya berdiri dan bertafakkur selama satu minit dan bagi Ahli-ahli yang beragama Islam membacakan Fatihah sebanyak-banyaknya.

(Majlis bertafakkur selama seminit dan yang beragama Islam membacakan Fatihah)

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad): Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Rabu, 21hb Disember, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 3.20 petang.